

UNTUK SIARAN SEGERA



## LBS LANCAR SEBUAH LAGI PROJEK TERBAHARU: IMPERIAL GARDEN @ BANDAR PUTERA INDAH

**“Kehidupan Urban Menjadi Mudah”**

**Petaling Jaya, 17 Julai 2024** - LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju harta tanah terkemuka pilihan rakyat, dengan bangganya mengumumkan pelancaran projek terbaru, Imperial Garden, terletak di tengah-tengah pusat Bandar Putera Indah, Batu Pahat. Projek yang terdiri dari enam fasa Rumah Berkembar Dua Tingkat ini akan dibina di atas tanah pegangan bebas seluas 37.11 ekar dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM 237 juta. Fasa 1 (30 unit) telah pun dilancarkan, dan Fasa 2 (33 unit) bakal dilancar pada bulan Ogos tahun ini.

Terletak di Batu Pahat, permata budaya Selatan, serta salah sebuah bandar yang sedang berkembang pesat dengan peningkatan pembangunan infrastruktur dan aktiviti ekonomi, pembinaan Imperial Garden mentakrifkan semula kehidupan di bandar. Dengan tumpuan terhadap kesederhanaan, kekeluargaan, dan akses mudah kepada kemudahan penting, ia menetapkan piawaian baru dari sudut keselesaan kediaman.

Dengan keluasan 1,829 kaki persegi, setiap unit dilengkapi dengan empat bilik tidur, tiga bilik mandi, ruang tamu yang luas serta dikelilingi oleh ruang hijau, taman, serta kawasan komunal untuk keselesaan komuniti. Ini menjadikan Imperial Garden sebuah rumah yang sesuai bagi keluarga kecil dan mereka yang baru membina keluarga, dengan harga bermula RM 575,280.\*

Moto “Kehidupan Urban Menjadi Mudah”, merangkumi visi Imperial Garden untuk memberi fokus kepada gaya hidup serba ringkas di sebalik hiruk pikuk bandar. Selain memastikan penduduk mendapat akses mudah kepada kemudahan dan fasiliti penting, projek ini turut menawarkan pelbagai aktiviti luar yang sesuai dengan gaya

hidup urban masa kini. Lokasinya yang strategik benar-benar memberi kelainan selain menawarkan kehidupan yang tenang dari kesibukan bandar.

Seperti semua projek LBS, Imperial Garden @ Bandar Putera Indah mempunyai capaian yang baik kepada pelbagai kemudahan awam utama, seperti sekolah, klinik, balai polis, dan pusat membeli-belah, termasuk AEON Big Batu Pahat dan Batu Pahat Mall. Selain itu, bakal pemilik rumah turut mempunyai akses langsung ke Lebuhraya Utara-Selatan, selain akses ke bandar-bandar utama.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San berkata, "Sebagai pemaju yang berpengalaman, kami amat memahami cabaran dan perjalanan proses pemilikan rumah, lebih-lebih bagi mereka yang bercita-cita untuk memiliki hartanah pegangan bebas dan tanah. Selain menjadikan impian anda untuk memiliki kediaman menjadi nyata, Imperial Garden juga sesuai sebagai portfolio pelaburan anda, dan membantu memberi kemudahan bagi mereka yang bekerja di Singapura.

"Serahan kunci rumah anda hanyalah sebahagian daripada perjalanan. Kerja-kerja pengubahsuaian juga bakal menelan kos kewangan yang besar. Oleh itu, LBS turut mengumumkan bahawa projek Imperial Garden juga tersenarai sebagai salah sebuah projek di bawah kempen terbaru kami bersama Maybank yang dilancarkan baru-baru ini, iaitu 'Maybank - My Deco Financing' yang menawarkan pinjaman sehingga 120%. Kempen ini membolehkan bakal pemilik rumah mempunyai fleksibiliti dalam menyediakan rumah mengikut keinginan mereka sekali gus meningkatkan nilai sewaan mereka," ujar Tan Sri.

Untuk maklumat lanjut mengenai Imperial Garden, layari laman web [www.lbs.com.my](http://www.lbs.com.my)

-Tamat-